



كمنتريين سومبر ٢ اوتام دان قلنچوغن  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM  
BRUNEI DARUSSALAM

**KENYATAAN AKHBAR DAN MEDIA  
MAJLIS TADARUS AL QURAN SEMPENA BULAN RAMADHAN  
BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA TAHUN 1443H/2022M**

---

**Bandar Seri Begawan, Hari Khamis, 12 Ramadhan 1443H/14 April 2022M**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Tadarus Al Quran di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang sempena bulan Ramadhan bagi tahun 1443 Hijrah/2022 Masehi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf dari warga KSSUP yang berupa peralatan-peralatan keperluan Masjid oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Imam Masjid, Yang Mulia Imam Awg Nuzli bin Haji Jumat, Pegawai Hal Ehwal Masjid. Seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Tetamu Kehormat dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai. Majlis disudahi dengan solat fardu Asar berjemaah.

Aktiviti bertadarus ini adalah merupakan salah satu daripada aktiviti tahunan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang diadakan pada setiap tahun dalam bulan Ramadhan bertujuan bagi mengeratkan silaturrahim diantara para pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping bagi mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

12 Ramadhan 1443/14 April 2022